

## NO. SOALAN 34

Pengguna data juga hendaklah mematuhi Kod Tataamalan yang disediakan oleh pihak industri melalui Forum Pengguna Data bagi setiap golongan pengguna data dan akan didaftarkan setelah disahkan oleh Pesuruhjaya. Kod Tataamalan ini akan menjadi Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam mentadbir urus data peribadi pelanggan. Kegagalan dalam mematuhi Kod Tataamalan yang terpakai bagi pengguna data adalah menjadi satu kesalahan dan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000.00 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Dari aspek memberikan kesedaran terhadap pengguna data peribadi, Jabatan Perlindungan Data Peribadi atau JPDP telah mengadakan program-program kesedaran dan seminar pematuhan mengenai Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) kepada organisasi pengguna data iaitu organisasi memproses data peribadi untuk urusan transaksi komersial. Program kesedaran dan seminar pematuhan yang dilaksanakan meliputi program radio, wawancara TV, wawancara akhbar, taklimat dan persidangan.